

Kuala Lumpur: Pusat Perubatan Pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMSC) mencatatkan sejarah tersendiri apabila bakal memiliki pusat rawatan berteknologi tinggi, Gamma Knife Centre, yang pertama di negara ini untuk merawat pesakit barah dan ketumbuhan otak.

Pusat rawatan radiosurgeri berkenaan dibina di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan projek pembinaannya dijangka disiapkan September depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri S Subramaniam berkata, pusat rawatan terbabit dibina di tapak seluas 4,000 kaki persegi (1,320 meter persegi) dengan kos keseluruhan bernilai RM30 juta.

"Dengan adanya pusat itu, pesakit yang menghidap ketumbuhan atau barah otak tidak perlu lagi menjalani pembedahan biasa seperti sebelum ini, sebaliknya hanya perlu melakukan rawatan menggunakan sinaran radiasi Gamma Knife.

"Kaedah rawatan moden ini memberi tumpuan khusus untuk merawat tisu otak yang bermasalah (di otak) tanpa menjejaskan tisu di kawasan lain.

"Prosedur rawatan ini bukan saja lebih mudah malah mengurangkan risiko trauma

Pusat rawatan barah RM30j di UKMSC



SUBRAMANIAM (tengah) melihat replika bangunan ketika merasmikan Upacara Pecah Tanah UKMSC Gamma Knife Centre dan Perasmian Wad Kristal di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Kuala Lumpur.

kepada otak dan kos rawatan untuk jangka panjang juga lebih berpatutan," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah pusat rawatan itu dan perasmian Wad Kristal di Auditorium Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras, semalam.

Hadir sama, Duta Sweden ke Malaysia, Dag Juhlin-Dannfelt dan wakil Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Riza Atiq Abdullah.

Sementara itu, mengulas mengenai isu kesukaran graduan perubatan mendapat tempat sebagai pelatih atau

'houseman' di hospital kerajaan termasuk ada yang menunggu hingga berbulan-bulan lamanya, Subramaniam berkata, program latihan itu lebih berstruktur pada masa depan.

"Kita perlu mencari jalan penyelesaian isu ini supaya dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, termasuk menggunakan mekanisme baru membabitkan kaedah latihan berkumpulan dengan seliaan doktor atau pakar yang lebih senior bagi memastikan graduan perubatan mendapat latihan sebaik mungkin," katanya.